

SESI SERAHAN DOKUMEN PTPTN SESI DISEMBER 2009/2010 KELOMPOK DUA (2)

TARIKH : 7 Mac 2010 (Ahad) , 8 Mac 2010 (Isnin)
9 Mac 2010 (Selasa) , 10 Mac 2010 (Rabu)

TEMPAT : Dewan Kompleks Sukan, Pusat Sukan

MASA : 8.30 pagi – 5.00 petang

PELAJAR DIKEHENDAKI HADIR PADA HARI YANG DITETAPKAN MENGIKUT FAKULTI.

CARA MENYUSUN DOKUMEN PTPTN MENGIKUT URUTAN

SET 1 (di stapler)

- a. **SENARAI SEMAK** (*Checklist*) – satu salinan sahaja;
- b. **SURAT TAWARAN PTPTN** (termasuk Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1-4), pelajar perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan **TARIKH**.
- c. **PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN** (ada 3 helaian)
- d. **LAMPIRAN PERJANJIAN** (ada 6 helaian), pastikan lengkap tandatangan pemohon, penjamin 1 dan 2 pada ruangan masing-masing.
- e. **JAMINAN** (ada 3 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan penjamin 1 dan 2 seterusnya nama, no KP, tandatangan dan cop rasmi jawatan dan jabatan saksi-saksi penjamin.
- f. **SURAT KEBENARAN PENJAMIN PERTAMA** (berdasarkan kes pelajar), penjamin perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan yang berkaitan
- g. **SURAT KEBENARAN PENJAMIN KEDUA** (berdasarkan kes pelajar) penjamin perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan yang berkaitan
- h. **AKUAN PENJAMIN**, lengkap dengan tandatangan penjamin.

SET 2 (di stapler)

- a. **SURAT TAWARAN PTPTN** (termasuk Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1-4), pelajar perlu tandatangan dan tuliskan pada ruangan yang berkaitan.
- b. **PERJANJIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN** (ada 3 helaian).
- c. **LAMPIRAN PERJANJIAN** (ada 6 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan pemohon, penjamin 1 dan 2 pada ruangan masing-masing.
- d. **JAMINAN** (ada 3 helaian), pastikan lengkap dengan tandatangan penjamin 1 dan 2 seterusnya nama, no KP, tandatangan dan cop rasmi jawatan dan jabatan saksi-saksi penjamin.
- e. **SURAT KEBENARAN PENJAMIN PERTAMA** (berdasarkan kes pelajar), penjamin perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan yang berkaitan.
- f. **SURAT KEBENARAN PENJAMIN KEDUA** (berdasarkan kes pelajar) penjamin perlu tandatangan dan tuliskan tarikh pada ruangan yang berkaitan.
- g. **AKUAN PENJAMIN**, lengkap dengan tandatangan penjamin.

24 FEBRUARI 2010

SET 3 (di stapler)

(DOKUMEN SOKONGAN-SATU SET SAHAJA).

1. Butiran diri / Maklumat Permohonan Pinjaman PTPTN.
2. Salinan Kad Pengenalan pemohon.
3. Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke UiTM (Surat Tawaran dari Website UiTM diterima tetapi disahkan oleh wakil UiTM sahaja).
4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
5. Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain. Contoh : STPM / DIPLOMA / MATRIKULASI / IJAZAH SARJANA MUDA / IJAZAH SARJANA (MASTER). (Sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan masuk tersebut jika pemohon belum menerima sijil dan transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian / layak dianugerahkan sijil).
6. Salinan Penyata Akaun Bank Islam. [Jika tiada, sila dapatkan terlebih dahulu dari Bank Islam] (MESTILAH mempunyai maklumat iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pelajar).
7. Salinan Borang Cukai Pendapatan (B / BE / EA / EC) / Slip Gaji / Kad Pesara / Penyata Pencen / Borang atau surat pengesahan pendapatan / Pengesahan Tidak Bekerja Penjaga dan pasangan Penjaga / Pemohon dan pasangan Pemohon (jika telah berkahwin). [Salah satu dari mana-mana yang berkaitan sahaja diperlukan].
8. Salinan kad pengenalan ibu dan bapa kandung. Sekiranya ibu / bapa kandung telah meninggal dunia sila sertakan salinan sijil kematian / permit perkuburan. Sekiranya ibu / bapa kandung tidak dapat dikesan, sila sertakan akuan sumpah dari pesuruhjaya sumpah. [Salah satu dari mana-mana yang berkaitan sahaja diperlukan].
9. Salinan surat pengesahan / surat akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat / Pusat Zakat / PERKESO / penghuni rumah anak yatim sekiranya pemohon ibu / bapa / penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan.
10. **2 (dua) keping Setem Hasil bernilai RM10.00 setiap satu.**
[Dibawa ketika sesi serahan Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman. Sila dapatkan di Pejabat Pos].

Syarat tambahan bagi pelajar lama yang memohon (WAJIB) :

1. Salinan keputusan peperiksaan bagi setiap semester yang lepas.
2. Surat pengesahan aktif mendaftar sebagai pelajar UiTM dari Fakulti (pengesahan daripada Dekan / Ketua Program / Hal Ehwal Pelajar sahaja).

* Semua salinan dokumen sokongan mesti dalam kertas bersaiz A4. Pastikan pelajar tulis nama, no KP dan nama IPT pada ruangan kosong muka hadapan salinan tersebut) (JIKA TERCICIR, BOLEH DIKESAN PEMILIK DOKUMEN TERSEBUT).

** Bagi kes penjamin tidak dapat dikesan, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah yang asal (mesti ada perkataan "tidak dapat dikesan").

*** Sekiranya pelajar mengisi maklumat Penjaga/Pasangan Penjaga pada Butiran Diri sebagai tidak bekerja, pelajar perlu sertakan pengesahan tidak bekerja / mengisi Borang Pengesahan Pendapatan.

**** Bagi pelajar yang bekerja (tanpa / separuh gaji @ bergaji penuh) sila lampirkan salinan slip gaji terkini.